



## Permohonan SGA On-line untuk siapa?

SGA Application On-line dicipta khas untuk **pelabur/syarikat perkilangan** dengan:

- **Aktiviti pembuatan terletak di Sabah;**
- **Modal Yang Terkumpul atau Nilai Saham Yang Dipegang di bawah RM2.5 juta dan jumlah pekerja di bawah 75 orang.**

Semua status permohonan dan pemberitahuan kelulusan atau sebaliknya, adalah dilakukan secara atas talian (online), kecuali surat kelulusan rasmi yang akan dihantar melalui pos.

Dengan SGA Application On-line ini, ia akan menjadi **mudah bagi pelabur untuk mengesan kemajuan permohonan mereka** dan mewujudkan komunikasi perniagaan melalui e-mel dari kedua-dua pihak.



## Apakah SGA?

SGA (Kelulusan Kerajaan Negeri) merujuk kepada kelulusan yang dikeluarkan oleh JPPP kepada syarikat-syarikat perkilangan yang dikecualikan daripada Lesen Pengilang Persekutuan (FML), termasuk kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah (CPO) dan perusahaan pembuatan kecil di Sabah.

Tujuan utama **SGA** adalah sebagai **kelulusan awal yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan teratur dan lancar projek perkilangan yang diluluskan.**

**SGA bukan lesen operasi tetapi kelulusan dengan syarat yang ditetapkan yang perlu dipenuhi sebelum operasi.**

FML (Lesen Pengilang Persekutuan) dikehendaki oleh undang-undang (Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA)) yang akan diperolehi oleh mana-mana syarikat perkilangan dengan modal terkumpul atau nilai saham yang dipegang RM2.5 juta dan ke atas dan jumlah pekerja 75 orang atau lebih sepenuh masa dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI). Permohonan FML hendaklah dikemukakan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

## PERMOHONAN SGA ON-LINE

Pemohon SGA dikehendaki untuk memohon melalui perkhidmatan atas talian iaitu boleh diisi dari laman web JPPP: <http://www.didr.sabah.gov.my> atau di:

<http://www.sga.sabah.gov.my>

**Pemohon dikehendaki untuk menyertakan salinan geran tanah, lokasi cadangan tapak kilang dan peta lokasi.** Untuk mempercepatkan pemprosesan, pemohon boleh mengemukakan laporan kemungkinan, sampel produk, surat tiada bantahan dari Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dan komen daripada Jabatan Alam Sekitar serta jabatan-jabatan kerajaan lain yang berkaitan.

Borang permohonan lengkap dengan lampiran/dokumen yang diperlukan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian (ICC) yang diadakan sebulan sekali.

**SGA akan dikeluarkan oleh JPPP atas syor ICC dan disahkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Perindustrian.**

Jika perlu, pemohon akan dipanggil untuk temuduga; dan permohonan tidak disokong oleh ICC akan dikeluarkan dengan surat maklumbalas oleh JPPP.